

# Pemuda UMNO sokong padu Pak Lah

UM - 5 NOV 2003

BENTONG 4 Nov. — Pergerakan Pemuda UMNO memberi sokongan padu kepada kepimpinan baru di bawah Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Perdana Menteri dan pemangku Presiden parti.

Ketuanya, Datuk Hishammuddin berkata, sokongan ke atas Abdullah telah lama dinyatakan oleh pergerakan itu dan yakin Abdullah akan dapat memimpin negara dengan lebih gemilang.

“Awal-awal lagi sudah dinyatakan dan bagi Pemuda UMNO tidak timbul kita tidak beri sokongan kepada Datuk Seri Abdullah selaku Perdana Menteri dan pemangku Presiden parti,”

katanya kepada pemberita selepas majlis berbuka puasa bersama penduduk Felda Lurah Bilut di Masjid Falahi di sini, semalam.

Hishammuddin berkata, sokongan yang diberikan oleh pergerakan itu adalah tidak berbelah bagi dan berharap ia akan dapat memberi satu kekuatan kepada Abdullah untuk memimpin parti dan meneruskan perjuangan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad yang belum selesai.

Katanya, walaupun merasai ketiadaan Dr. Mahathir, Abdullah telah mengingatkan kepimpinan pergerakan itu bahawa perjuangan parti tidak berkisar kepada seorang individu.

Menurutnya, perjuangan parti akan berterusan walau pemimpin silih berganti dan ia akan berterusan selagi semua pihak berada dan memegang perjuangan dan landasan yang lebih luas.

“Sebab itulah di bawah kepimpinan negara yang baru, pergerakan Pemuda yakin dengan proses peralihan kuasa yang licin, perjuangan akan dapat diteruskan dengan syarat diberi sokongan yang padu,” tambahnya.

Jelas beliau, pergerakan itu akan merakamkan penghargaan kepada Dr. Mahathir terhadap jasanya memimpin negara selama 22 tahun dalam mesyuaratnya pada Khamis ini.